



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

**PUASA SUNAT BULAN SYA'BAN:
Isu-Isu Hukum Mengenaunya
(Bilangan 288 Bahagian Kedua)**

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Beberapa Persoalan Berpuasa Sunat Di Bulan Sya'ban

Sungguhpun berpuasa di bulan Sya'ban adalah sunat, namun terdapat beberapa persoalan hukum yang perlu diperjelaskan, antaranya:

1. Puasa pada 15 haribulan Sya'ban

Berdasarkan hadis-hadis yang telah dibawakan bahawa amalan berpuasa sunat di bulan Sya'ban itu bukan hanya dikhususkan pada 15 haribulan Sya'ban itu sahaja. Bahkan yang disunatkan itu, bermula dari awal bulan Sya'ban dan termasuklah juga 15 haribulan Sya'ban.

Sebaliknya apa yang sering terjadi ialah kecenderungan sesetengah individu memilih untuk berpuasa sunat hanya pada 15 haribulan Sya'ban sahaja, manakala hari-hari yang lain di bulan tersebut dia tidak berpuasa.

Walau bagaimanapun berpuasa pada 15 haribulan Sya'ban itu juga disunatkan kerana bertepatan juga dengan puasa yang disunatkan, iaitu berpuasa pada hari putih yang jatuh pada setiap 13, 14 dan 15 haribulan, kecuali pada 13 Zulhijjah. Ini kerana 13 Zulhijjah merupakan termasuk hari-hari *Tasyriq* (11, 12, dan 13 Zulhijjah) iaitu hari yang diharamkan berpuasa padanya. Maka sebagai ganti, sunat berpuasa pada 16 Zulhijjah.

Di samping itu, jika seseorang itu hendak berpuasa sunat pada separuh kedua bulan Sya‘ban sedangkan dia tidak mempunyai sebab untuk berpuasa, iaitu disebabkan puasa wajib kerana qadha, nazar dan *kaffarah*, dan dia juga tidak mempunyai adat kebiasaan berpuasa sunat sebelum itu, maka berpuasa sekurang-kurangnya pada 15 haribulan Sya‘ban itu merupakan syarat untuk mengharuskan dia berpuasa pada separuh kedua Sya‘ban. Penjelasan lanjut mengenainya akan diterangkan kemudian.

2. **Hari-Hari Separuh Yang Kedua Bulan Sya‘ban (Tidak Termasuk 15hb)**

Maksud separuh kedua Sya‘ban itu ialah mulai 16 haribulan sehingga 29 atau 30 haribulan Sya‘ban. Hukum berpuasa pada hari-hari tersebut adalah seperti berikut:

a. **Puasa Separuh Kedua Bulan Sya‘ban**

Berpuasa sunat pada hari-hari separuh yang kedua bulan Sya‘ban (16 hingga 30 haribulan Sya‘ban) **tanpa ada sebab ataupun bukan kerana adat kebiasaan berpuasa sunat** adalah haram. Ini jelas sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “*Apabila telah masuk separuh bulan Sya‘ban, maka janganlah kamu berpuasa.*”

(Hadis riwayat Abu Daud)

Maksud “adat kebiasaan berpuasa sunat” akan dijelaskan kemudian.

Namun begitu, bagi orang yang hendak berpuasa sunat pada separuh kedua bulan Sya‘ban adakalanya diharuskan walaupun dia berpuasa tanpa ada sebab, jika puasanya itu disambung dengan atau dimulakan dari separuh pertama bulan Sya‘ban.

b. Puasa Pada Hari Syak

Maksud hari *Syak* itu ialah pada 30 haribulan Sya‘ban, tersebar berita di kalangan orang ramai bahawa anak bulan Ramadhan telah dilihat, akan tetapi tidak disabitkan oleh hakim (pemerintah) kerana tidak dipersaksikan penglihatan anak bulan itu oleh seorang yang adil atau ianya dipersaksikan oleh dua orang kanak-kanak, beberapa orang perempuan, seorang hamba atau seorang fasik.

Hukum berpuasa sunat pada hari *Syak* adalah diharamkan **tanpa ada sebab atau bukan kerana adat kebiasaan berpuasa sunat**. Hukum haram tersebut bukan hanya disebabkan ia merupakan hari *Syak* sahaja, bahkan juga kerana ia terkandung dalam hari-hari separuh kedua bulan Sya‘ban.

Dalil yang melarang berpuasa sunat pada hari *Syak* adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada ‘Ammar bin Yasir katanya:

()

Maksudnya: “Barangsiapa yang berpuasa pada hari di mana orang ramai merasa syak padanya (hari *Syak*), maka sesungguhnya dia telah menderhakai Abu al-Qasim (Nabi) Shallallahu ‘alaihi wasallam.”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Sebaliknya jika tidak ada tersebar berita tersebut, yakni berita anak bulan Ramadhan telah dilihat, maka tidaklah dikatakan hari itu sebagai hari *Syak*, bahkan ia adalah termasuk hari-hari daripada bulan Sya‘ban.

Persoalan mengenai hari *Syak* ini tidak akan disentuh dengan panjang lebar di sini. Ini kerana di Negara Brunei Darussalam penetapan anak bulan adalah berdasarkan *ru'yah*, iaitu pensabitan penglihatan anak bulan dan hasil penglihatan anak bulan tersebut disebarkan kepada orang ramai secara teratur dan berkesan. Oleh yang demikian, tidak timbul persoalan hari *Syak* dan hukum berpuasa sunat pada hari tersebut.

bersambung